

10/01/2000

JAS rombak strategi

KUALA LUMPUR, Ahad - Mulai tahun ini, Jabatan Alam Sekitar (JAS) merombak strateginya dengan menumpukan kepada program pemulihan, berbanding penguatkuasaan undang-undang dan pengawasan alam sekitar yang dilakukan sebelum ini.

Sasaran pertamanya ialah untuk memulihkan sungai yang dikenal pasti tercemar di seluruh negara dalam tempoh 10 tahun.

Ketua Pengarah JAS Rosnani Ibarahim, berkata proses itu akan membabitkan tambahan peruntukan kerajaan, selain bantuan sektor swasta kerana kos memulihkan sungai di negara ini dijangka tinggi.

Beliau berkata, JAS akan berbincang dengan agensi kerajaan lain, seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pihak berkuasa tempatan mengenai pelaksanaan program berkenaan di seluruh negara.

"Masanya sudah tiba untuk melihat perubahan yang ketara khususnya dalam mutu sungai, dan jawapannya ialah untuk melaksanakan program pemulihan," katanya dalam satu temubual dengan Berita Harian di pejabatnya, di sini, baru-baru ini.

Laporan terbaru JAS menunjukkan enam belas sungai di seluruh negara, termasuk Sungai Sepang di Selangor, dikenal pasti sebagai sungai yang mencapai tahap tercemar serius.

Sungai lain ialah Sungai Buloh dan Klang (Selangor), Sungai Miri dan Lutong (Sarawak); Sungai Balok (Pahang); Sungai Merbok (Kedah); Sungai Landas (Terengganu); Sungai Jimah (Negeri Sembilan); Sungai Jejawi, Sungai Juru dan Sungai Pinang (Pulau Pinang) serta Sungai Air Baloi, Sungai Tangkak, Sungai Segget, Sungai Tukang Batu dan Sungai Kempas (Johor).

Pencemaran Sungai Sepang mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas ternampak air sungai itu yang berwarna hitam pekat, ketika pulang ke tanah air dari Zimbabwe.

(END)